

SIARAN AKHBAR

TH SERAH SUMBANGAN BERJUMLAH RM100 RIBU BAGI PENGANJURAN SELAWAT PERDANA 1435H/2014M

KUALA LUMPUR, 20 Mac 2014 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) menyerahkan sumbangan berbentuk sejadah yang bernilai RM100 ribu sebagai tanda sokongan serta menyemarakkan lagi penganjuran Selawat Perdana 1435H/2014M - Malam Cinta Allah Dan Rasul, dalam satu majlis ringkas di sini.

Majlis penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh YB. Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH** kepada Encik Shahrul Nasrun Dato' Haji Kamarudin, Setiausaha, Sekretariat Selawat Perdana 1435H/2014M.

Majlis Selawat Perdana - Malam Cinta Allah Dan Rasul akan berlangsung pada 21 Mac 2014, Jumaat, jam 8.00 Malam bertempat di Dataran Masjid Putra, Presint 1, Putrajaya. Majlis yang diadakan ini dianjurkan oleh Pertubuhan Belia Berdedikasi dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Majlis Selawat Perdana ini akan dipimpin oleh YBhg. Habib Syech Abdul Qodir As-Seggaf, seorang tokoh agama dan Imam Masjid As Seggaf, Pasar Kliwon Solo, Indonesia.

Pihak penganjur mensasarkan kehadiran orang ramai seramai setengah juta orang ke majlis tersebut khususnya golongan belia. Majlis akan diisi dengan pelbagai program ilmu, selawat dan zikir untuk dihayati serta menjadi pemangkin kepada perpaduan umat Islam di negara ini. Dalam masa yang

sama, program seumpama ini akan menjadi wadah psikologi dakwah ke arah penyatuan rakyat negara ini.

- Tamat –

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.